

Dr M boleh ambil tindakan

30 SEP 2002

DUNGUN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad boleh mengambil tindakan undang-undang jika beliau tidak berpuas hati dengan cara permohonan maaf Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang menuduhnya tidak tahu membaca al-Quran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Rais Yatim, berkata bagaimanapun perkara itu terserah kepada Perdana Menteri.

"Tindakan Nik Aziz menuduh Dr Mahathir tidak tahu membaca al-Quran adalah kes sivil dan setakat ini, Menteri Besar Kelantan itu belum memohon maaf secara terbuka seperti dijanjikan.

"Perkara itu terserah ke-

pada Perdana Menteri sama ada beliau (Dr Mahathir) berpuas hati dengan cara Nik Abdul Aziz memohon maaf atau tidak.

"Mula-mula Nik Aziz mengatakan bahawa PM tidak faham dan berpengetahuan membaca al-Quran, selepas itu beliau mengatakan Perdana Menteri tidak faham bahasa Arab," kata-

nya pada Program Permata Yang Hilang di Balai Orang Ramai Al-Muktafibilah Shah, di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh dan Ketua Umno Bahagian Dungun, Senator Rosli Mat Hassan.

Rabu lalu, Nik Aziz mengaku tersilap ketika ber-

jika tidak puas hati

ceramah dengan mendakwa Dr Mahathir sebagai tidak pandai membaca al-Quran.

Bagaimanapun, ketika menutup Perhimpunan Muslimat Pas Kelantan dan Penubuhan Hal Ehwal Wanita (Halwa) Pas Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, semalam, Nik Aziz menyifatkan tindakannya mengakui tersilap cakap ketika mendakwa Perdana Menteri tidak tahu membaca al-Quran adalah sebahagian maaf.

Rais berkata, sekiranya Nik Aziz bersungguh-sungguh memohon maaf kepada Dr Mahathir, beliau percaya tindakan sivil tidak perlu dilaksanakan.

"Bagaimanapun, sekiranya Menteri Besar Kelantan itu berselindung di sebaliknya dolak-dalih, Perdana Menteri berhak mengambil tindakan," katanya.

Mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mendakwa memperoleh maklumat daripada pegawai kerajaan

untuk membentangkan belanjawan alternatif 2003, Rais berkata, tanggungjawab polis kini adalah mengambil kenyataan Abdul Hadi dan terserah kepada Peguam Negara untuk membawa kes itu ke mahkamah.

Laporan akhbar hari ini menyebut polis sudah mengambil kenyataan Abdul Hadi mengikut Kanun Acara Jenayah.

"Sekiranya bukti itu tepat maka pendakwaan boleh diambil," katanya sambil menambah, sebelum ini, bekas menteri besar, bekas menteri atau bekas pegawai tinggi kerajaan juga pernah disoal siasat.

Sementara itu, beliau berkata, Kerajaan Pas Terengganu tidak mampu melaksanakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) walaupun sudah diperkenankan Sultan Terengganu berikutan kelemahan dalam banyak aspek terutama penguatkuasaan.

Rais berkata, apa yang

dapat dilakukan kerajaan negeri itu jika pesalah lari ke negeri lain, termasuk ke Kelantan.

Katanya, kerajaan negeri atau penguat kuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu tidak boleh mengambil tindakan kerana undang-undang itu hanya berkuat kuasa di negeri